## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**Pelanggan yang Dihormati,**

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Akaun Simpanan-i Komoditi *Murabahah* (CM SA-i) anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna untuk mereka; **anda juga harus membacanya.**

PUBLIC ISLAMIC BANK

Tarikh: ________________

### 1. Apa itu Akaun Simpanan-i Komoditi *Murabahah* (CM SA-i)?

**CM SA-i** ialah akaun simpanan yang berasaskan kontrak Syariah Komoditi *Murabahah* melalui pengaturan *Tawarruq*. Akaun simpanan merujuk produk deposit tanpa kemudahan cek.

Komoditi yang terlibat dalam urus niaga Komoditi *Murabahah* boleh dihantar secara fizikal dan semua kos berkaitan dengan penghantaran Komoditi secara fizikal hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

Produk Deposit yang berikut dikategorikan di bawah CM SA-i:

a) Akaun Simpanan-i Basic
b) Akaun Simpanan-i
c) Akaun Simpanan-i PB MySalary
d) Akaun Simpanan-i ForU2Save

Konsep Syariah utama yang diguna pakai ialah:

***Tawarruq* (Komoditi *Murabahah*)** – Suatu urus niaga yang mana Bank membeli komoditi daripada pelanggan atas dasar bayaran tertangguh pada harga kos tambah margin keuntungan. Bank kemudiannya menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga atas dasar bayaran semerta pada harga kos bagi tujuan mendapatkan tunai segera.

**Maklumat penting yang anda perlu ketahui:**

Produk ini **dilindungi** oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatanganinya.

Ciri-ciri setiap produk CM SA-i adalah seperti berikut:

<table>
<tr><th rowspan="2">Produk Deposit</th><th rowspan="2">Akaun Simpanan-i Basic</th><th rowspan="2">Akaun Simpanan-i</th><th rowspan="2">Akaun Simpanan-i PB MySalary</th><th colspan="2">Akaun Simpanan-i ForU2Save</th></tr>
<tr><th>Jenis Akaun</th><th>Jenis Pemegang Akaun</th></tr>
<tr><td rowspan="3">Kelayakan</td><td rowspan="3">• Warganegara Malaysia dan pemastautin berumur 18 tahun dan ke atas<br>• Akaun Perseorangan<br>• Akaun Bersama</td><td rowspan="3">• Akaun Perseorangan<br>• Akaun Bersama<br>• Ibu Bapa/ Penjaga sah bagi pihak kanak-kanak bawah umur 12 tahun</td><td rowspan="3">• Akaun Perseorangan<br>• Akaun Bersama</td><td>Bagi Pihak</td><td>Ibu Bapa/ Penjaga sah bagi pihak kanak-kanak - bayi baru lahir hingga umur 12 tahun</td></tr>
<tr><td>Perseorangan</td><td>Kanak-kanak yang telah mencapai umur 12 tahun tetapi bawah 18 tahun</td></tr>
<tr><td>Akaun Bersama</td><td>• Individu yang telah mencapai umur 12 tahun tetapi bawah 18 tahun dan Ibu Bapa/Penjaga sah<br>• 2 atau lebih individu berumur 12 hingga 18 tahun</td></tr>
<tr><td>Deposit Permulaan</td><td>RM20.00</td><td>RM250.00</td><td>RM20.00</td><td colspan="2">RM250.00</td></tr>
<tr><td>Baki Minimum dalam Akaun</td><td colspan="5">RM20.00</td></tr>
<tr><td>Buku Akaun</td><td colspan="3">Tiada*</td><td colspan="2">Ada</td></tr>
</table>

* *Nota: Pilihan untuk memilih antara Akaun Simpanan-i Berpenyata atau Akaun Simpanan-i dengan Buku Akaun akan diberikan kepada yang berikut:*

*i. Pelanggan berumur 60 tahun dan ke atas.*

*ii. Pembukaan Akaun Pembukaan Akaun Pusaka untuk Pelaksana/Pentadbir bagi menguruskan hal ehwal harta pusaka si mati.*

## 2. Ketahui Kos Anda

Anda perlu membayar **fi** dan **caj** yang berikut:

- **Fi Tahunan:** dikenakan atas Akaun Semasa tidak aktif yang tidak mempunyai apa-apa urus niaga deposit atau pengeluaran bagi tempoh berterusan selama sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan.
  - **i. Untuk baki kurang daripada RM10.00:** Akaun akan ditutup dan baki akan diserap sebagai fi.
  - **ii. Untuk baki lebih daripada RM10.00: RM10.00**
- **Fi Tahunan Kad ATM/Debit: RM8.00** (tidak diterima pakai untuk Akaun Simpanan-i Basic)
- **Penggantian Buku Akaun Akaun Simpanan-i yang hilang: RM10.00** dan duti setem.
- **Penutupan Akaun:**
  - **i. Dalam tempoh 6 bulan selepas pembukaan: RM20.00**
  - **ii. Dalam tempoh 3 bulan selepas pembukaan: RM20.00** (untuk Akaun Simpanan-i Basic)

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

## 3. Ketahui Risiko Anda

**Apakah risiko yang terlibat?**

- Jika akaun ditutup dalam tempoh tertentu dari tarikh pembukaan, fi penutupan akan dikenakan.
- Akaun akan diklasifikasi sebagai wang tidak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urus terakhir yang dimulakan oleh pelanggan, dan oleh itu, dana dalam akaun tersebut dikehendaki dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

## 4. Syarat Utama Lain

- e-Penyata boleh didapati setiap bulan atau pada kekerapan yang ditetapkan oleh Bank melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank. Anda mesti berdaftar sebagai pengguna Perkhidmatan e-Perbankan dan mendaftar untuk Perkhidmatan e-Penyata untuk mengaksesnya.
- Tiada penyata fizikal akan disediakan bagi Akaun Simpanan-i Berpenyata.
- Bank boleh, dengan memberi notis terlebih dahulu, menggantung atau membekukan Akaun Simpanan-i tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- Pertukaran satu akaun daripada Akaun Simpanan-i lain kepada Akaun Simpanan-i PB MySalary adalah tidak dibenarkan.
- Anda mesti berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan ke atas untuk memohon Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank. Dengan menggunakan perkhidmatan tersebut, anda bersetuju dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank.
- Akaun Simpanan-i ForU2Save akan ditukar secara automatik kepada Akaun Simpanan-i (SA-i) biasa apabila pemegang akaun mencapai umur lapan belas (18) tahun.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**Jika anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan mengenai CM SA-i anda, anda boleh:**

| Hubungi kami melalui<br>03-2176-6000 | Layari laman web kami melalui:<br>https://www.publicislamicbank.com.my/ | E-mel kami melalui:<br>islamicbkg@publicislamicbank.com.my |
|---|---|---|

**Perakuan Pelanggan***

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

☐ Saya mengakui bahawa Public Islamic Bank telah memberikan sesalinan PDS kepada saya.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

*Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk pada masa akan datang.

______________________________

Nama:

Tarikh: